150. Isyarat "QRN" bermaksud:
A. Saya sibuk
B. Adakah awak diganggu oleh statik
C. Saya sedang diganggu
D. Saya diganggu oleh statik

151. "Who is calling me" is denoted by the "Q signal":
A. QRK?
B. QRP?
C. QRZ?
D. QRM?

151. "Siapakah yang memanggil saya" diwakili oleh "isyarat Q":
A. QRK?
B. QRP?
C. QRZ?
D. QRM?

152. The "Q signal" which signifies "I will call you again" is:
A. QRX
B. QRZ
C. QRS
D. QRT

152. "Isyarat Q" yang membawa maksud "Saya akan panggil anda sekali lagi" ialah:
A. QRX
B. QRZ
C. QRS
D. QRT

153. The speed of a radio wave:
A. Is infinite in space
B. Is the same as the speed of light
C. Is always less than half speed of light
D. Varies directly with frequency

153. Kelajuan gelombang radio:
A. Tidak terhingga di angkasa
B. Sama dengan kelajuan cahaya
C. Kurang separuh daripada kelajuan cahaya
D. Berkadar terus dengan frekuensi

154. The "Q signal" which signifies "Nothing from me" is:
A. QRU
B. QRZ
C. QRS
D. QRT

154. “Isyarat Q” yang membawa maksud “Tiada apa-apa daripada saya” ialah:
A. QRU
B. QRZ
C. QRS
D. QRT

154. The "Q signal" which signifies "How are you?" is:
A. QRU
B. QRZ
C. QRS
D. Non of the above

155. “Isyarat Q” yang membawa maksud “Apa khabar?” ialah:
A. QRU
B. QRZ
C. QRS
D. Tiada pilihan yang tepat

155. Which of the following is the highest priority of emergency calls:
A. Pan Pan
B. Mayday
C. Break
D. CQ

155. Antara yang berikut, panggilan kecemasan manakah yang mendapat keutamaan tertinggi?
A. Pan Pan
B. Mayday
C. Break
D. CQ

RADIO AND ELECTROMAGNETIC THEORY
TEORI ELEKTROMAGNETIK DAN RADIO

1. The name for the flow of electrons in an electric circuit is:
A. Voltage
B. Resistance
C. Capacitance
D. Current

1. Nama bagi aliran elektron dalam litar elektrik ialah:
A. Voltan
B. Rintangan
C. Kemuatan
D. Arus

2. The watt is the unit of:
A. Power
B. Magnetic flux
C. Electromagnetic field strength
D. Breakdown voltage

2. Watt ialah unit:
A. Kuasa
B. Fluks magnet
C. Kekuatan medan magnet
D. Voltan pecah tebat

3. A half wave dipole antenna is normally fed at the point of:
A. Maximum voltage
B. Maximum current
C. Maximum resistance
D. Resonance

3. Antena dwikutub separuh-gelombang lazimnya disuap pada titik:
A. Voltan maksimum
B. Arus maksimum
C. Rintangan maksimum
D. Resonans

4. A half-wave antenna is often called a:
A. Bi-polar
B. Yagi
C. Dipole
D. Beam

4. Antena separuh-gelombang lazimnya dipanggil:
A. Bipolar
B. Yagi
C. Dwikutub
D. Alur

5. The resonant frequency of a dipole antenna is mainly determined by:
A. Its height above the ground
B. Its length
C. The output power of the transmitter used
D. The length of the transmission line

5. Frekuensi resonans antena dwikutub ditentukan terutamanaya oleh:
A. Ketinggian di atas tanah
B. Kepanjangannya
C. Kuasa keluaran pemancar yang digunakan
D. Panjang talian penghantaran

6. The resonant frequency of an antenna may be increased by:
A. Shortening the radiating element
B. Lengthening the radiating element
C. Increasing the height of the radiating element
D. Lowering the radiating element

6. Frekuensi resonans antena dapat ditingkatkan dengan:
A. Memendekkan unsur penyinar
B. Memanjangkan unsur penyinar
C. Meninggikan unsur penyinar
D. Merendahkan unsur penyinar

7. To lower the resonant frequency of an antenna, the operator should:
A. Lengthen the antenna
B. Centre feed the antenna with TV ribbon
C. Shorten the antenna
D. Ground one end

7. Bagi merendahkan frekuensi resonans antena, seseorang pengendali seharusnya:
A. Memanjangkan antena
B. Menyuap tengah antena dengan reben TV
C. Memendekkan antena
D. Membumikan satu hujung

8. A ground plane antenna emits a:
A. Horizontally polarised wave
B. Elliptically polarised wave
C. Axially polarised wave
D. Vertically polarised wave

8. Antena satah bumi memancarkan:
A. Gelombang berkutub mengufuk
B. Gelombang berkutub secara elips
C. Gelombang berkutub paksian
D. Gelombang berkutub menegak

9. A Yagi antenna is said to have a power gain over a dipole antenna for the same frequency band because:
A. It radiates more power than a dipole
B. More powerful transmitters can use it
C. It concentrates the radiation in one direction
D. It can be used for more than one band

9. Antena Yagi dikatakan mempunyai gandaan kuasa ke atas antena dwikutub bagi jalur frekuensi yang sama kerana antena ini:
A. Menyinarkan kuasa yang lebih berbanding dengan dwikutub
B. Boleh digunakan pemancar yang lebih berkuasa
C. Menumpukan sinaran pada satu arah
D. Boleh digunakan pada lebih daripada satu jalur

10. The maximum radiation from a three element Yagi antenna is:
A. In the direction of the reflector end of the boom
B. In the direction of the director end of the boom
C. At right angles to the boom
D. Parallel to the line of the coaxial feeder

10. Sinaran maksimum daripada sebatang antena Yagi tiga unsur berlaku:
A. Pada arah hujung pemantul joran
B. Pada arah hujung pengarah joran
C. Pada sudut tegak dengan joran
D. Selari dengan talian penyuap sepaksi

11. The reflector and director(s) in a Yagi antenna are called:
A. Oscillators
B. Tuning stubs
C. Parasitic elements
D. Matching units

11. Pemantul dan pengarah dalam antena Yagi dikenal sebagai:
A. Pengayun
B. Puntung penalaan
C. Unsur parasit
D. Unit sepadan

12. The main reason why many VHF base and mobile antennas in amateur use are 5/8 of a wavelength long is that:
A. It is easy to match the antenna to the transmitter
B. It is a convenient length on VHF
C. The angle of radiation is high giving excellent local coverage
D. Most of the energy is radiated at a low angle

12. Kebanyakan antena pangkalan dan bergerak VHF dalam penggunaan amatur ialah sepanjang 5/8 panjang gelombang kerana:
A. Mudah untuk memadankan antena kepada pemancar
B. Kepanjangan itu sesuai bagi VHF
C. Sudut sinarannya tinggi, memberikan liputan tempatan yang sangat baik
D. Kebanyakan tenaga tersinar pada sudut rendah

13. A more important consideration when selecting an antenna for working stations at great distances is:
A. Sunspot activity
B. Angle of radiation
C. Impedance
D. Bandwidth

13. Pertimbangan yang lebih penting apabila memilih antena untuk stesen beroperasi pada jarak jauh ialah:
A. Aktiviti tompok matahari
B. Sudut sinaran
C. Galangan
D. Lebar jalur

14. Radio wave polarisation is defined by the orientation of the radiated:
A. Magnetic field
B. Electric field
C. Inductive field
D. Capacitive field

14. Pengutuban gelombang radio ditakrifkan oleh haluan sinaran:
A. Medan magnet
B. Medan elektrik
C. Medan beraruhan
D. Medan berkemuatan

15. You are adjusting an antenna matching unit using an SWR bridge. You should adjust for:
A. Maximum reflected power
B. Equal reflected and transmitted power
C. Minimum reflected power
D. Minimum transmitted power

15. Anda sedang melaraskan sebuah unit pemadan antena menggunakan titian SWR. Anda perlu melaraskannya kepada:
A. Kuasa pantulan maksimum
B. Kuasa pancaran dan pantulan sama
C. Kuasa pantulan minimum
D. Kuasa pancaran minimum

16. The "squelch" or "muting" circuitry on a VHF receiver:
A. Inhibits the audio output unless a station is being received
B. Compresses incoming voice signals to make them more intelligible
C. Reduces audio burst noise due to lightning emissions
D. Reduces the noise on incoming signals

16. Litar "lecak-lecuk" atau "bisuan" pada penerima VHF:
A. Merencat keluaran audio kecuali siaran sebuah stesen sedang diterima
B. Memampatkan isyarat suara yang diterima agar lebih mudah difahami
C. Mengurangkan hingar letusan audio akibat pancaran kilat
D. Mengurangkan hingar isyarat yang diterima

17. The "S meter" on a receiver:
A. Indicates where the squelch control should be set
B. Indicates the standing wave ratio
C. Indicates the state of the battery voltage
D. Indicates relative incoming signal strengths

17. "Meter S" pada penerima:
A. Menandakan tempat kawalan lecak-lecuk seharusnya diset
B. Menandakan nisbah gelombang pegun
C. Menandakan keadaan voltan bateri
D. Menandakan kekuatan isyarat mendatang relatif

18. The purpose of a VOX unit in a transceiver is to:
A. Change from receiving to transmitting using the sound of the operator's voice
B. Check the transmitting frequency using the voice operated crystal
C. Enable a volume operated extension speaker for remote listening
D. Enable the variable oscillator crystal

18. Tujuan unit VOX dalam penghantar-terima adalah untuk:
A. Menukar daripada menerima kepada menghantar menggunakan suara pengendali
B. Memeriksa frekuensi penghantaran dengan menggunakan hablur kendalian suara
C. Membolehkan pembesar suara sambungan kendalian suara bagi pendengaran jauh
D. Membolehkan hablur pengayun boleh ubah

19. "VOX" stands for:
A. Volume operated extension speaker
B. Voice operated transmit
C. Variable oscillator transmitter
D. Voice operated expander

19. "VOX" bermaksud:
A. Pembesar suara sambungan kendalian suara
B. Penghantaran kendalian suara
C. Pemancar pengayun boleh ubah
D. Pengembang kendalian suara

20. The term "PTT" means:
A. Push To Talk
B. Piezo-electric Transducer Transmitter
C. Phase Testing Terminal
D. Phased Transmission Transponder

20. Istilah "PTT" bermakna:
A. Tekan Untuk Cakap
B. Penghantar Transduser Piezo-Elektrik
C. Terminal Ujian Fasa
D. Transponder Penghantaran Berfasa

21. The wavelength for a frequency of 146 MHz is:
A. 15 metres
B. 32 metres
C. 4 metres
D. 2 metres

21. Panjang gelombang bagi frekuensi 146MHz adalah:
A. 15 meter
B. 32 meter
C. 4 meter
D. 2 meter

22. The term "harmful interference" means:
A. Interference which obstructs or repeatedly interrupts radiocommunication services
B. An antenna system which accidentally falls on to a neighbour's property
C. A receiver with the audio volume unacceptably loud
D. Interference caused by a station of a secondary service

22. Istilah “gangguan memudaratkan” bermakna:
A. Gangguan yang menghalang atau berkali-kali menyampuk perkhidmatan perhubungan radio
B. Sistem antena yang tidak sengaja jatuh ke tanah jiran
C. Penerima yang sangat kuat bunyinya
D. Gangguan yang disebabkan oleh stesen perkhidmatan sekunder

23. When interference to the reception of radiocommunications is caused by the operation of an amateur station, the station operator:
A. Must immediately comply with any action required by the MCMC to prevent the interference
B. May continue to operate with steps taken to reduce the interference when the station operator can afford it
C. May continue to operate without restrictions
D. Is not obligated to take any action

23. Apabila berlaku gangguan terhadap penerimaan komunikasi radio disebabkankan oleh pengendalian sebuah stesen amatur, pengendali stesen itu:
A. Mesti segera mengikuti sembarang arahan yang diberikan oleh SKMM bagi mengelakkan gangguan
B. Boleh terus beroperasi dengan mengambil langkah mengurangkan gangguan apabila pengendali stesen itu mampu
C. Boleh terus beroperasi tanpa sembarang sekatan
D. Tidak diwajibkan menganbil sembarang tindakan

24. When may an amateur radio operator knowingly interfere with another radio communication or signal:
A. When the operator of another station is acting in an illegal manner
B. When another station begins transmitting on a frequency you already occupy
C. Never
D. When the interference is unavoidable because of crowded band conditions

24. Seorang pengendali radio amatur boleh mengganggu isyarat atau komunikasi radio lain dengan sengaja jika:
A. Pengendali stesen lain itu berbuat perkara yang menyalahi undang-undang
B. Ada stesen lain yang mula memancar pada frekuensi yang sedang digunakan
C. Tidak boleh sama sekali
D. Gangguan tidak dapat dielakkan kerana keadaan jalur yang sesak

25. The "Q" signal "shall I decrease transmitter power?" is:
A. QRP?
B. QRZ?
C. QRN?
D. QRL?

25. Isyarat "Q" bagi "patutkah saya mengurangkan kuasa pemancar?" ialah:
A. QRP?
B. QRZ?
C. QRN?
D. QRL?

26. Which of the following are basic SI units of electricity:
A. mV, volts and amperes
B. kilovolts, milliamperes and cool-ohms
C. amperes, volts and ohms
D. inductance, capacitance and resistance

26. Antara yang berikut, yang manakah unit asas elektrik SI:
A. mV, volt dan ampere
B. kilovolt, miliampere dan kiloohm
C. ampere, volt dan ohm
D. kearuhan, kemuatan dan rintangan

27. The acronyms FM and AM as used in radio stand for:
A. Frequency modulation and Amplitude modulation
B. Frequency modulation and Analogue modulation
C. Fremodyne modulation and Amplitude modulation
D. Fine Modulation (High fidelity) and Angular Modulation

27. Akronim FM dan AM yang digunakan dalam radio merujuk:
A. Modulasi Frekuensi dan Modulasi Amplitud
B. Modulasi Frekuensi dan Modulasi Analog
C. Modulasi Fremodyne dan Modulasi Amplitud
D. Modulasi Halus (fideliti tinggi) dan Modulasi Sudut

28. A radio receiver that can pick up weak signals is said to be:
A. Very broad bandwidth
B. Very sensitive
C. Highly selective
D. A low noise receiver

28. Penerima radio yang dapat menangkap isyarat lemah dikatakan:
A. Memiliki lebar jalur sangat lebar
B. Sangat sensitif
C. Amat memilih
D. Penerima hingar rendah

29. Which transmission is MOST likely to cause interference?
A. A high power FM transmission.
B. A low power FM transmission.
C. A high power SSB transmission.
D. A low power SSB transmission.

29. Siaran manakah yang PALING berkemungkinan menyebabkan gangguan?
A. Siaran FM kuasa tinggi
B. Siaran FM kuasa rendah
C. Siaran SSB kuasa tinggi
D. Siaran SSB kuasa rendah

30. A neighbour complains that your transmissions were causing interference to his television. You should
A. Say it's not your fault because you were operating in accordance with your licence
B. Advise him to inform the local authority
C. Advise him to contact MCMC
D. Offer to help by initially checking the times of your transmissions.

30. Seorang jiran mengadu yang siaran anda menyebabkan gangguan terhadap televisyennya. Anda seharusnya
A. Mengatakan itu bukan salah anda kerana anda beroperasi sejajar dengan lesen anda
B. Menasihatinya supaya memaklumi pihak berkuasa tempatan
C. Menasihatinya menghubungi MCMC
D. Menawarkan bantuan, mula-mula dengan memeriksa waktu siaran anda

31. Immediately before making an initial call an amateur should
A. Make an entry in the logbook
B. Listen on the frequency
C. Connect the feeder to a dummy load
D. Check the power supply is switched on.

31. Sejurus sebelum membuat panggilan awaI, amatur seharusnya
A. Membuat masukan dalam buku log
B. Mendengar pada frekuensi tersebut
C. Menyambung penyuap pada beban semu
D. Memeriksa bekalan kuasa dihidupkan suisnya

32. What is the significant difference between AC and DC?
A. Direct currents are always greater than alternating currents.
B. Direct currents take a long time to change direction.
C. Alternating currents are continually changing direction.
D. Alternating currents have a fixed polarity

32. Apakah perbezaan utama antara AC dengan DC?
A. Arus terus sentiasa lebih besar daripada arus ulang alik
B. Arus terus mengambil masa yang lama untuk menukar arah
C. Arus ulang alik menukar arah secara berterusan
D. Arus ulang alik mempunyai kekutuban tetap

33. Too much audio gain is likely to cause a transmitter to
A. Stop working
B. Increase the SWR
C. Interfere with other bands
D. Interfere with adjacent frequencies.

33. Gandaan audio yang terlalu banyak berkemungkinan menyebabkan pemancar
A. Berhenti berfungsi
B. Meningkatkan SWR
C. Mengganggu jalur lain
D. Mengganggu frekuensi bersebelahan

34. Which one of the following would NOT be found in a radio receiver?
A. RF power amplifier.
B. Audio amplifier.
C. Detector (demodulator).
D. Tuning and RF amplifier.

34. Yang manakah antara berikut TIDAK akan dijumpai dalam penerima radio?
A. Amplifier kuasa RF.
B. Amplifier audio
C. Pengesan (penyahmodulat)
D. Amplifier RF dan talaan

35. How much voltage does a standard automobile battery usually supply ?
A. About 240 volts
B. About 120 volts
C. About 12 volts
D. About 9 volts

35. Berapakah bekalan voltan lazim pada bateri kereta piawai?
A. Kira-kira 240 volt
B. Kira-kira 120 volt
C. Kira-kira 12 volt
D. Kira-kira 9 volt

36. Which component has a positive and a negative side?
A. A potentiometer
B. A fuse
C. A resistor
D. A battery

36. Komponen manakah yang mempunyai sisi positif dan negatif?
A. Potensiometer
B. Fius
C. Rintangan
D. Bateri

37. A cell, that can be repeatedly recharged by supplying it with electrical energy, is known as a:
A. Low leakage cell
B. Memory cell
C. Storage cell
D. Primary cell

37. Sel yang dapat dicas berulang kali dengan membekalkan tenaga elektrik dikenal sebagai:
A. Sel kebocoran rendah
B. Sel memori
C. Sel storan
D. Sel primer

38. What is the basic unit of electrical power?
A. The ampere
B. The volt
C. The watt
D. The ohm

38. Apakah unit asas kuasa elektrik?
A. Ampere
B. Volt
C. Watt
D. Ohm

39. Power is expressed in:
A. Volts
B. Amperes
C. Watts
D. Ohms

39. Unit bagi kuasa ialah:
A. Volt
B. Ampere
C. Watt
D. Ohm

40. Frequency is expressed in:
A. Newton
B. Hertz
C. Ampere
D. Lambda

40. Unit bagi frekuensi ialah:
A. Newton
B. Hertz
C. Ampere
D. Lambda

41. Resistance is expressed in:
A. Ohm
B. Kelvin
C. Resistor
D. Ampere

41. Unit bagi rintangan ialah:
A. Ohm
B. Kelvin
C. Rintangan
D. Ampere

42. Wavelength is expressed in:
A. Lambda
B. Beta
C. Alfa
D. Delta

42. Unit bagi panjang gelombang ialah:
A. Lambda
B. Beta
C. Alfa
D. Delta

ANTENNA AND RADIO PROPAGATION
PERAMBATAN RADIO DAN ANTENA

1. To obtain efficient transfer of power from a transmitter to an antenna, it is important that there is
A. High load impedance
B. Low load impedance
C. Correct impedance match between transmitter and antenna
D. High standing wave ratio

1. Bagi mendapatkan pemindahan kuasa cekap daripada pemancar kepada antena, adalah penting adanya
A. Galangan beban tinggi
B. Galangan beban rendah
C. Padanan galangan betul antara pemancar dengan antena
D. Nisbah gelombang pegun tinggi

2. A coaxial feedline is constructed from:
A. A single conductor
B. Two parallel conductors separated by spacers
C. Braid and insulation around a central conductor
D. Braid and insulation twisted together

2. Talian suapan sepaksi dibina daripada:
A. Pengalir tunggal
B. Dua pengalir selari yang dipisahkan dengan penjarak
C. Jalinan dan tebatan di sekeliling pengalir pusat
D. Jalinan dan tebatan terpiuh bersama

3. A damaged antenna or feedline attached to the output of a transmitter will present an incorrect load resulting in:
A. The driver stage not delivering power to the final
B. The output tuned circuit breaking down
C. Excessive heat being produced in the transmitter output stage
D. Loss of modulation in the transmitted signal

3. Antena atau talian suapan rosak yang dipasang pada keluaran pemancar akanmemberikan nilai beban yang salah hingga menyebabkan:
A. Peringkat pemacu tidak menghantar kuasa ke akhir
B. Litar tertala keluaran rosak
C. Haba melampau dihasilkan pada peringkat keluaran pemancar
D. Kehilangan modulasi dalam isyarat yang dihantar

4. A result of mismatch between the power amplifier of a transmitter and the antenna is:
A. Reduced antenna radiation
B. Radiation of key clicks
C. Lower modulation percentage
D. Smaller DC current drain

4. Akibat ketakserasian antara amplifier kuasa pemancar dengan antena ialah:
A. Sinaran antena yang berkurangan
B. Sinaran klik kekunci
C. Peratusan modulasi lebih rendah
D. Saliran arus DC lebih kecil

5. The following feeder is the best match to the base of a quarter wave ground plane antenna:
A. 300 ohm balanced feedline
B. 50 ohm coaxial cable
C. 75 ohm balanced feedline
D. 300 ohm coaxial cable

5. Suapan berikut menjadi padanan terbaik kepada tapak antena satah bumi gelombang sukuan:
A. Talian suapan terimbang 300 ohm
B. Kabel sepaksi 50 ohm
C. Talian suapan terimbang 75 ohm
D. Kabel sepaksi 300 ohm

6. The designed output impedance of the antenna socket of most modern transmitters is nominally:
A. 25 ohm
B. 50 ohm
C. 75 ohm
D. 100 ohm

6. Galangan keluaran terancang soket antena kebanyakan pemancar moden secara nominalnya ialah:
A. 25 ohm
B. 50 ohm
C. 75 ohm
D. 100 ohm

7. A result of standing waves on a non-resonant transmission line is:
A. Maximum transfer of energy to the antenna from the transmitter
B. Perfect impedance match between transmitter and feedline
C. Reduced transfer of RF energy to the antenna
D. Lack of radiation from the transmission line

7. Hasil gelombang pegun pada talian penghantaran bukan beresonans ialah:
A. Pemindahan tenaga maksimum daripada pemancar kepada antena
B. Padanan galangan sempurna antara pemancar dengan talian suapan
C. Pemindahan berkurangan tenaga RF kepada antena
D. Kekurangan sinaran daripada talian penghantaran

8. An instrument to check whether RF power in the transmission line is transferred to the antenna is:
A. A standing wave ratio meter
B. An antenna tuner
C. A dummy load
D. A keying monitor

8. Alat yang digunakan untuk memeriksa sama ada kuasa RF dalam talian penghantaran dipindahkan kepada antena atau tidak ialah:
A. Meter nisbah gelombang pegun
B. Penala antena
C. Beban semu
D. Monitor sorot

9. This commonly available antenna feedline can be buried directly in the ground for some distance without adverse effects:
A. 75 ohm twin-lead
B. 300 ohm twin-lead
C. 600 ohm open-wire
D. Coaxial cable

9. Talian suapan antena yang biasa didapati ini boleh ditanam terus ke bumi untuk jarak tertentu tanpa sembarang kesan buruk:
A. Dawai kembar 75 ohm
B. Dawai kembar 300 ohm
C. Dawai terbuka 600 ohm
D. Kabel sepaksi

10. If an antenna feedline must pass near grounded metal objects, the following type should be used:
A. 75 ohm twin-lead
B. 300 ohm twin-lead
C. 600 ohm open-wire
D. Coaxial cable

10. Jika talian suapan antena terpaksa lalu berhampiran dengan objek logam terbumi, jenis yang berikut perlu digunakan:
A. Dawai kembar 75 ohm
B. Dawai kembar 300 ohm
C. Dawai terbuka 600 ohm
D. Kabel sepaksi

11. You are adjusting an antenna matching unit using an SWR bridge. You should adjust for:
A. Maximum reflected power
B. Equal reflected and transmitted power
C. Minimum reflected power
D. Minimum transmitted power

11. Anda sedang melaraskan sebuah unit pemadan antena menggunakan titian SWR. Anda perlu melaraskannya untuk:
A. Kuasa pantulan maksimum
B. Kuasa pancaran dan pantulan sama
C. Kuasa pantulan minimum
D. Kuasa pancaran minimum

12. Peak envelope power (PEP) output is the:
A. Average power output at the crest of the modulating cycle
B. Total power contained in each sideband
C. Carrier power output
D. Transmitter power output on key-up condition

12. Keluaran kuasa sampul puncak (PEP) ialah:
A. Keluaran kuasa purata pada puncak kitar modulasi
B. Jumlah kuasa yang terkandung dalam setiap jalur sisi
C. Keluaran kuasa pembawa
D. Keluaran kuasa pemancar pada keadaan sorot atas

13. Your apparatus assignment permits you to:
A. Work citizen band stations
B. Establish and operate an earth station in the amateur satellite service
C. Service commercial radio equipment over 1 kW output
D. Re-wire fixed household electrical supply mains

13. Penguntukan radas membenarkan anda:
A. Bekerja di stesen radio antara penduduk
B. Mengasaskan dan mengendalikan stesen bumi dalam perkhidmatan satelit amatur
C. Memberikan khidmat peralatan radio dagangan melebihi keluaran 1kW
D. Mendawaikan semula sesalur bekalan elektrik rumah tetap

14. A damaged antenna or feedline attached to the output of a transmitter will present an incorrect load resulting in:
A. The driver stage not delivering power to the final
B. The output tuned circuit breaking down
C. Excessive heat being produced in the transmitter output stage
D. Loss of modulation in the transmitted signal

14. Antena atau talian suapan rosak yang dipasang pada keluaran pemancar memberikan nilai beban yang salah hingga menyebabkan:
A. Peringkat pemacu tidak menghantar kuasa ke akhir
B. Litar tertala keluaran rosak
C. Haba melampau dihasilkan pada peringkat keluaran pemancar
D. Kehilangan modulasi dalam isyarat yang dihantar

15. Losses occurring on a transmission line between a transmitter and antenna result in:
A. Less RF power being radiated
B. A SWR of 1:1
C. Reflections occurring in the line
D. Improved transfer of RF energy to the antenna

15. Kehilangan yang terjadi pada talian penghantaran antara pemancar dengan antena menyebabkan:
A. Sedikit kuasa RF yang dipancarkan
B. SWR menjadi 1:1
C. Pantulan terjadi dalam talian
D. Pemindahan dibaiki tenaga RF kepada antena

16. If the characteristic impedance of a feedline does not match the antenna input impedance then:
A. Standing waves are produced in the feedline
B. Heat is produced at the junction
C. The SWR drops to 1:1
D. The antenna will not radiate any signal

16. Jika impedans ciri talian suapan tidak berpadanan dengan galangan input antena, maka:
A. Gelombang pegun dihasilkan di talian suapan
B. Haba dihasilkan di simpang
C. SWR jatuh ke to 1:1
D. Antena tidak akan memancarkan sembarang isyarat

17. An instrument to check whether RF power in the transmission line is transferred to the antenna is:
A. A standing wave ratio meter
B. An antenna tuner
C. A dummy load
D. A keying monitor

17. Alat yang digunakan untuk memeriksa sama ada kuasa RF dalam talian penghantaran dipindahkan kepada antena atau tidak ialah:
A. Meter nisbah gelombang pegun
B. Penala antena
C. Beban semu
D. Monitor sorot

18. An antenna which transmits equally well in all compass directions is a:
A. Dipole with a reflector only
B. Quarter wave grounded vertical
C. Dipole with director only
D. Half-wave horizontal dipole

18. Antena yang memancar sama baik dalam semua arah kompas ialah:
A. Dwikutub dengan pemantul sahaja
B. Gelombang sukuan terbumi menegak
C. Dwikutub dengan pengarah sahaja
D. Dwikutub mengufuk separuh gelombang

19. A ground plane antenna emits a:
A. Horizontally polarised wave
B. Elliptically polarised wave
C. Axially polarised wave
D. Vertically polarised wave

19. Antena satah bumi memancarkan:
A. Gelombang berkutub mengufuk
B. Gelombang berkutub secara elips
C. Gelombang berkutub paksian
D. Gelombang berkutub menegak

20. A dummy antenna:
A. Attenuates a signal generator to a desirable level
B. Provides more selectivity when a transmitter is being tuned
C. Matches an AF generator to the receiver
D. Duplicates the characteristics of an antenna without radiating signals

20. Antena semu:
A. Melemahkan penjana isyarat kepada aras yang diingini
B. Memberikan lebih banyak pemilihan apabila sebuah pemancar sedang ditala
C. Memadankan suatu penjana AF kepada penerima
D. Menduakan ciri antena tanpa memancarkan isyarat

21. This property of an antenna broadly defines the range of frequencies to which it will be effective:
A. Bandwidth
B. Front-to-back ratio
C. Impedance
D. Polarisation

21. Sifat antena ini secara umumnya mentakrifkan julat frekuensi antena itu berkesan:
A. Lebar jalur
B. Nisbah depan-ke-belakang
C. Galangan
D. Pengutuban

22. The resonant frequency of an antenna may be increased by:
A. Shortening the radiating element
B. Shortening the director element
C. Increasing the height of the radiating element
D. Shortening the reflector element

22. Frekuensi resonans antena boleh ditingkatkan dengan:
A. Memendekkan unsur penyinar
B. Memendekkan unsur pengarah
C. Menambah ketinggian unsur penyinar
D. Memendekkan unsur pemantul

23. To lower the resonant frequency of an antenna, the operator should:
A. Lengthen the antenna
B. Centre feed the antenna with TV ribbon
C. Shorten the antenna
D. Ground one end

23. Bagi merendahkan frekuensi resonans suatu antena, seseorang pengendali seharusnya:
A. Memanjangkan antena
B. Menyuap tengah antena dengan reben TV
C. Memendekkan antena
D. Membumikan satu hujung

24. A half-wave antenna is often called a:
A. Bi-polar
B. Yagi
C. Dipole
D. Beam

24. Antena separa gelombang lazimnya dikenal sebagai:
A. Bipolar
B. Yagi
C. Dwikutub
D. Alur

25. The resonant frequency of a dipole antenna is mainly determined by:
A. Its height above the ground
B. Its length
C. The output power of the transmitter used
D. The length of the transmission line

25. Frekuensi resonans antena dwikutub ditentukan terutamanya oleh:
A. Ketinggian di atas tanah
B. Kepanjangan
C. Kuasa keluaran pemancar yang digunakan
D. Kepanjangan talian penghantaran

26. A vertical antenna which uses a flat conductive surface at its base is the:
A. Vertical dipole
B. Quarter wave ground plane
C. Rhombic
D. Long wire

26. Antena menegak yang menggunakan permukaan beraliran rata pada tapaknya ialah:
A. Dwikutub menegak
B. Satah bumi gelombang sukuan
C. Rombus
D. Wayar panjang

27. The main characteristic of a vertical antenna is that it:
A. Requires few insulators
B. Is very sensitive to signals coming from horizontal aerials
C. Receives signals from all points around it equally well
D. Is easy to feed with TV ribbon feeder

27. Ciri utama antena menegak ialah:
A. Memerlukan sedikit penebat
B. Sangat sensitif terhadap isyarat yang datang dari aerial mengufuk
C. Menerima isyarat sama baik dari semua titik di sekelilingnya
D. Senang disuap dengan penyuap reben TV

28. A Yagi antenna is said to have a power gain over a dipole antenna for the same frequency band because:
A. It is more expensive than a dipole
B. More powerful transmitters can use it
C. It concentrates the radiation in one direction
D. It can be used for more than one band

28. Antena Yagi dikatakan mempunyai gandaan kuasa ke atas antena dwikutub bagi jalur frekuensi yang sama kerana:
A. Antena ini lebih mahal daripada dwikutub
B. Lebih banyak pemancar berkuasa dapat menggunakannya
C. Antena ini menumpukan sinaran pada satu arah
D. Antena ini boleh digunakan untuk lebih daripada satu jalur

29. The path radio waves normally follow from a transmitting antenna to a receiving antenna at VHF and higher frequencies is a:
A. Circular path going north or south from the transmitter
B. Great circle path
C. Straight line
D. Bent path via the ionosphere

29. Laluan yang biasanya dilalui gelombang radio dari antena pemancar ke antena penerima pada frekuensi VHF dan lebih tinggi ialah:
A. Laluan membulat menuju utara atau selatan daripada pemancar
B. Laluan bulatan besar
C. Laluan lurus
D. Laluan bengkok melalui ionosfera

30. An SWR reading of 2.5:1 would indicate:
A. A satisfactory SWR
B. That the antenna was not resonant
C. That the antenna length must be shortened
D. That the antenna system needs adjustment

30. Bacaan SWR 2. 5:1 menandakan:
A. SWR memuaskan
B. Antena tidak resonans
C. Antena mesti dipendekkan
D. Sistem antena memerlukan pelarasan

31. The ionosphere is primarily charged by:
A. Your radio transmissions
B. Ultraviolet radiation from the sun
C. Cosmic radiation
D. Ionospheric storms

31. Biasanya ionosfera dicas oleh:
A. Siaran radio anda
B. Sinaran ultraungu dari matahari
C. Sinaran kosmos
D. Ribut ionosfera

32. The acronym EMC stands for:
A. Electrical and Magnetic compatibility
B. Electromagnetic Compatibility
C. Engineering Minimum Compatibility
D. Electrical Maintenance Compliance

32. Akronim EMC merujuk:
A. Keserasian Elektrik dan Magnet
B. Keserasian Elektromagnet
C. Keserasian Minimum Kejuruteraan
D. Pematuhan Penyelenggaraan Elektrik

33. Amateur radio, TV and Broadcast radio can suffer interference from:
A. High voltage power lines
B. The phase of the moon
C. Ionospheric ducting
D. Trans-equatorial interference

33. Radio siaran, TV dan radio amatur boleh terkena gangguan daripada:
A. Talian kuasa voltan tinggi
B. Fasa bulan
C. Penyaluran ionosfera
D. Gangguan rentas khatulistiwa

34. An antenna is connected via the feeder directly to the transmitter but used on the wrong frequency. This will have the effect of.
A. Reflecting some of the power from the transmitter back along the feeder
B. Risking damage to the antenna
C. Reducing the SWR on the feeder
D. Increasing the signal strength received at a distance from the transmitter.

34. Antena disambung melalui penyuap terus kepada pemancar tetapi menggunakan frekuensi yang salah. Keadaan ini akan:
A. Memantulkan sebahagian kuasa daripada pemancar kepada sepanjang penyuap
B. Menyebabkan risiko kerosakan antena
C. Mengurangkan SWR pada penyuap
D. Meningkatkan kekuatan isyarat yang diterima pada suatu jarak dari pemancar

35. An amateur wishes to achieve a greater range on VHF or UHF. Which option is likely to be most successful?
A. Increase the antenna height above surrounding roofs.
B. Use a longer feeder to the antenna.
C. Use UHF for greatest range.
D. Move the antenna onto the ground in the garden.

35. Seorang amatur ingin mencapai jarak yang lebih jauh pada VHF atau UHF. Pilihan mana yang lebih tinggi kemungkinan untuk berjaya?
A. Menambahkan ketinggian antena mengatasi bumbung di sekeliling
B. Menggunakan penyuap lebih panjang kepada antena
C. Menggunakan UHF untuk jarak paling jauh
D. Memindahkan antena ke tanah di laman

36. The ionosphere is
A. Layers of reflective gasses at heights of 70 to 400km.
B. Another name for the air we breathe.
C. A type of spherical transmitting antenna.
D. A piece of amateur radio test equipment.

36. Ionosfera ialah
A. Lapisan gas yang memantul pada ketinggian 70 hingga 400km
B. Nama lain bagi udara yang kita bernafas
C. Sejenis antena memancar berbentuk sfera
D. Bahagian peralatan ujian radio amatur

37. A vertical half wave dipole will radiate
A. Equally in all horizontal directions
B. A maximum signal in a vertical direction
C. A minimum signal at right-angles to the antenna
D. A maximum signal off the ends of the antenna.

37. Dwikutub gelombang separuh menegak akan memancar
A. Sama rata pada arah mengufuk
B. Isyarat maksimum pada arah menegak
C. Isyarat minimum pada sudut tegak antena
D. Isyarat maksimum pada hujung antena

38. When adjusting an Antenna Matching Unit you should always
A. Adjust for a minimum standing wave ratio
B. Adjust for a maximum standing wave ratio
C. Turn off the transmitter
D. Ensure the antenna is cut for the right wavelength.

38. Apabila melaraskan Unit Pemadanan Antena, anda seharusnya sentiasa
A. Melaraskannya bagi mendapatkan nisbah gelombang pegun minimum
B. Melaraskannya bagi mendapatkan nisbah gelombang pegun maksimum
C. Menutup pemancar
D. Memastikan antena dipotong untuk panjang gelombang yang betul

39. A VHF transmitting antenna should be located
A. Indoors, protected from the rain, wind and sun
B. Outdoors, as high as practicable to avoid obstructions
C. Close to the transmitter so you can easily adjust it to the correct length
D. At ground level to minimise interference.

39. Antena pemancar VHF seharusnya diletakkan
A. Di dalam, dilindungi daripada hujan, angin dan matahari
B. Di luar, setinggi yang mungkin bagi mengelak halangan
C. Berhampiran dengan pemancar supaya mudah dilaraskan bagi mendapat panjang yang betul
D. Di aras bumi bagi mengurangkan gangguan

40. Which of the following would NOT help to reduce interference to local TV receivers?
A. Increasing the distance between the antenna and the houses.
B. Lengthening the transmitter mains cable.
C. Increasing the height of the antenna.
D. Using balanced antennas for HF.

40. Yang manakah antara berikut TIDAK membantu mengurangkan gangguan terhadap penerima TV tempatan?
A. Menambah jarak antara antena dengan rumah
B. Memanjangkan kabel sesalur pemancar
C. Menambahkan ketinggian antena
D. Menggunakan antena terimbang untuk HF

41. Which statement about radio propagation is correct?
A. At VHF the radio signal can pass through a typical building and the signal strength will not vary much as the receiver is moved around the building.
B. The signal strength received from a transmitter on a hilltop will be the same at 1km, 5km 10km from the transmitter provided it is in clear sight.
C. Buildings in a town can block VHF radio signals at ground level and better reception will be achieved on a higher floor.
D. If a VHF signal is rather weak then switching to UHF with the same power and antenna gains is likely to result in a better signal.

41. Kenyataan manakah yang betul tentang perambatan radio?
A. Pada VHF isyarat radio dapat melepasi bangunan biasa dan kekuatan isyarat tidak berbeza sangat apabila penerima digerakkan ke serata bangunan
B. Kekuatan isyarat yang diterima daripada pemancar pada puncak bukit sama pada jarak 1 km, 5 km 10 km asalkan tiada halangan
C. Bangunan di bandar boleh menyekat isyarat radio VHF pada aras bumi dan penerimaan lebih baik pada aras yang lebih tinggi
D. Jika isyarat VHF agak lemah, maka pertukaran kepada UHF dengan kuasa dan gandaan antena yang sama berkemungkinan memberikan isyarat yang lebih baik

42. In a coaxial cable the field
A. Round one conductor is the same as the field round the other
B. Round one conductor is equal and opposite to the field round the other
C. Exists only between the two conductors and stays inside the cable
D. Is present round the cable for a distance of about 10 wavelengths.

42. Pada kabel sepaksi, medan
A. Di sekeliling satu pengalir sama dengan medan di sekeliling pengalir satu lagi
B. Di sekeliling satu pengalir sama dan berlawanan dengan medan di sekeliling pengalir satu lagi
C. Cuma wujud di antara dua pengalir dan kekal di dalam kabel
D. Wujud di sekeliling kabel untuk jarak kira-kira 10 panjang gelombang

43. An antenna has a driven element and a reflector. There is probably also a
A. Director
B. Radial
C. Matching coil
D. Ground plane

43. Sebatang antena mempunyai unsur pemacu dan pemantul. Mungkin juga ada
A. Pengarah
B. Jejarian
C. Gegelung berpadanan
D. Satah bumi

44. What connects your transceiver to your antenna?
A. The power cord
B. A ground wire
C. A feed line
D. A dummy load

44. Apakah yang menyambungkan penghantar-terima anda dengan antena?
A. Kord kuasa
B. Wayar bumi
C. Talian suapan
D. Beban semu

45. The characteristic impedance of a transmission line is determined by the:
A. Length of the line
B. Physical dimensions and relative positions of the conductors
C. Frequency at which the line is operated
D. Load placed on the line

45. Galangan ciri talian penghantaran ditentukan oleh:
A. Panjang talian
B. Dimensi fizik dan kedudukan relatif pengalir
C. Frekuensi talian itu dijalankan
D. Beban yang diletakkan pada talian itu

46. What commonly available antenna feed line can be buried directly in the ground for some distance without adverse effects?
A. 300 ohm twin-lead
B. 600 ohm open-wire
C. 75 ohm twin-lead
D. Coaxial cable

46. Apakah talian suapan antena yang biasa didapati yang boleh ditanam terus ke dalam tanah untuk jarak tertentu tanpa sembarang kesan buruk?
A. Dawai-kembar 300 ohm
B. Dawai-terbuka 600 ohm
C. Dawai-kembar 75 ohm
D. Kabel sepaksi

47. What is a coaxial cable?
A. Two wires side-by-side in a plastic ribbon
B. Two wires side-by-side held apart by insulating rods
C. Two wires twisted around each other in a spiral
D. A center wire inside an insulating material which is covered by a metal sleeve or shield

47. Apakah itu kabel sepaksi?
A. Dua wayar bersebelahan dalam reben plastik
B. Dua wayar bersebelahan yang diasingkan dengan batang penebat
C. Dua wayar terpiuh di sekeliling yang lagi satu dalam bentuk lingkaran
D. Suatu wayar tengah di dalam bahan penebat yang ditutup dengan sarung atau pelindung logam

48. What is parallel-conductor feed line?
A. Two wires twisted around each other in a spiral
B. A center wire inside an insulating material which is covered by a metal sleeve or shield
C. A metal pipe which is as wide or slightly wider than a wavelength of the signal it carries
D. Two wires side-by-side held apart by insulating rods

48. Apakah talian suapan pengalir-selari?
A. Dua wayar terpiuh di sekeliling yang satu lagi dalam bentuk lingkaran
B. Wayar tengah di dalam bahan penebat yang ditutup dengan sarung atau pelindung logam
C. Paip logam yang selebar atau lebar sedikit daripada panjang gelombang isyarat yang dibawanya
D. Dua wayar bersebelahan yang diasingkan dengan batang penebat

49. What kind of antenna feed line is made of two conductors held apart by insulated rods?
A. Open-conductor ladder line
B. Coaxial cable
C. Twin lead in a plastic ribbon
D. Twisted pair

49. Apakah jenis talian suapan antena yang diperbuat daripada dua pengalir yang diasingkan dengan batang penebat?
A. Talian tangga pengalir-terbuka
B. Kabel sepaksi
C. Dawai-kembar dalam reben plastik
D. Kembar terpiuh

50. What does the term "balun" mean?
A. Balanced unloader
B. Balanced to unbalanced
C. Balanced un-modulator
D. Balanced antenna network

50. Apakah maksud istilah “balun”?
A. Pemunggah terimbang
B. Terimbang kepada tak seimbang
C. Penyahmodulat terimbang
D. Rangkaian antena terimbang

51. What is an unbalanced line?
A. Feed line with neither conductor connected to ground
B. Feed line with both conductors connected to ground
C. Feed line with both conductors connected to each other 4
D. Feed line with one conductor connected to ground

51. Apakah talian tak seimbang?
A. Talian suapan dengan tiada pengalir disambungkan ke bumi
B. Talian suapan dengan kedua-dua pengalir disambungkan ke bumi
C. Talian suapan dengan kedua-dua pengalir disambungkan pada satu sama lain
D. Talian suapan dengan satu pengalir disambungkan ke bumi

52. A balanced transmission line:
A. Is made of two parallel wires
B. Has one conductor inside the other
C. Carries RF current on one wire only
D. Is made of one conductor only

52. Talian penghantaran terimbang:
A. Terdiri daripada dua wayar selari
B. Mempunyai satu pengalir di dalam yang satu lagi
C. Membawa arus RF dalam satu wayar sahaja
D. Diperbuat daripada satu pengalir sahaja

53. What device can be installed to feed a balanced antenna with an unbalanced feed line?
A. A triaxial transformer
B. A balun
C. A wave-trap
D. A loading coil

53. Apakah peranti yang boleh dipasang untuk menyuap antena terimbang dengan talian suapan tak seimbang?
A. Transformer tiga paksi
B. Balun
C. Perangkap gelombang
D. Gelung beban

54. What is the best antenna feed line to use, if it must be put near grounded metal objects?
A. Ladder-line
B. Twisted pair
C. Coaxial cable
D. Twin lead

55. Apakah talian suapan antena yang terbaik untuk digunakan, jika talian itu mesti diletakkan berhampiran dengan objek logam dibumikan?
A. Talian tangga
B. Kembar terpiuh
C. Kabel sepaksi
D. Dawai kembar

55. What are some reasons not to use parallel-conductor feed line?
A. You must use an impedance-matching device with your transceiver, and it does not work very well with a high SWR
B. It does not work well when tied down to metal objects, and it cannot operate under high power
C. It does not work well when tied down to metal objects, and you must use an impedance matching device with your transceiver
D. It is difficult to make at home, and it does not work very well with a high SWR

55. Apakah sebab untuk tidak menggunakan talian suapan pengalir-selari?
A. Anda perlu menggunakan peranti pemadan galangan dengan penghantar-terima anda, dan peranti itu tidak berfungsi begitu baik dengan SWR tinggi
B. Talian ini tidak berfungsi dengan baik apabila diikat dengan objek logam, dan tidak boleh berfungsi dengan kuasa tinggi
C. Talian ini tidak berfungsi dengan baik apabila diikat dengan objek logam, dan anda perlu menggunakan peranti pemadan galangan dengan penghantar-terima anda
D. Talian ini sukar dibina di rumah dan tidak berfungsi begitu baik dengan SWR tinggi

56. What does an SWR reading of 1:1 mean?
A. The best impedance match has been attained
B. An antenna for another frequency band is probably connected
C. No power is going to the antenna
D. The SWR meter is broken

56. Apakah maksud bacaan SWR 1:1?
A. Padanan galangan terbaik telah dicapai
B. Antena untuk jalur frekuensi lain mungkin tersambung
C. Tiada kuasa yang pergi ke antena
D. Meter SWR rosak

57. What does an SWR reading of less than 1.5:1 mean?
A. A fairly good impedance match
B. An impedance match which is too low
C. An impedance mismatch; something may be wrong with the antenna system
D. An antenna gain of 1.5

57. Apakah maksud bacaan SWR kurang daripada 1.5:1?
A. Padanan galangan yang agak baik
B. Padanan galangan yang terlalu rendah
C. Ketakserasian galangan; mungkin ada yang tidak kena dengan sistem antena
D. Gandaan antena 1.5

58. What kind of SWR reading may mean poor electrical contact between parts of an antenna system?
A. A negative reading
B. No reading at all
C. A jumpy reading
D. A very low reading

59. Apakah jenis bacaan SWR yang mungkin bermaksud sentuhan elektriklemah antara bahagian-bahagian sistem antena?
A. Bacaan negatif
B. Tiada bacaan langsung
C. Bacaan gementar
D. Bacaan sangat rendah

59. What does a very high SWR reading mean?
A. The transmitter is putting out more power than normal, showing that it is about to go bad
B. The antenna is the wrong length, or there may be an open or shorted connection somewhere in the feed line
C. There is a large amount of solar radiation, which means very poor radio conditions
D. The signals coming from the antenna are unusually strong, which means very good radio conditions

59. Apakah maksud bacaaan SWR yang sangat tinggi?
A. Pemancar mengeluarkan lebih banyak kuasa daripada biasa, menunjukkan yang pemancar itu akan rosak
B. Panjang antena salah, atau mungkin ada sambungan pintas atau terbuka di mana-mana dalam talian suapan
C. Terdapat banyak sinara suria, yang bermakna keadaan radio yang tidak baik
D. Isyarat daripada antena luar biasa kuat, yang bermakna keadaan radio yang sangat baik

60. What does standing-wave ratio mean?
A. The ratio of maximum to minimum voltages on a feed line
B. The ratio of maximum to minimum inductances on a feed line
C. The ratio of maximum to minimum resistances on a feed line
D. The ratio of maximum to minimum impedances on a feed line

60. Apakah maksud nisbah gelombang-pegun?
A. Nisbah voltan maksimum kepada minimum dalam talian suapan
B. Nisbah kearuhan maksimum kepada minimum dalam talian suapan
C. Nisbah rintangan maksimum kepada minimum dalam talian suapan
D. Nisbah galangan maksimum kepada minimum dalam talian suapan

61. If your antenna feed line gets hot when you are transmitting, what might this mean?
A. You should transmit using less power
B. The conductors in the feed line are not insulated very well
C. The feed line is too long
D. The SWR may be too high, or the feed line loss may be high

61. Jika talian suapan antena panas ketika bersiaran, apakah ertinya?
A. Anda seharusnya bersiaran dengan kuasa yang lebih rendah
B. Pengalir dalam talian suapan tidak ditebat dengan begitu baik
C. Talian suapan terlebih panjang
D. SWR mungkin terlalu tinggi, atau kehilangan talian suapan mungkin terlalu tinggi

62. The result of the presence of standing waves on a transmission line is:
A. Perfect impedance match between transmitter and feedline
B. Maximum transfer of energy to the antenna from the transmitter
C. Lack of radiation from the transmission line
D. Reduced transfer of RF energy to the antenna

62. Keputusan kehadiran gelombang pegun dalam talian penghantaran ialah:
A. Padanan galangan sempurna antara pemancar dengan talian suapan
B. Pemindahan tenaga maksimum kepada antena daripada pemancar
C. Kekurangan sinaran daripada talian penghantaran
D. Kekurangan perpindahan tenaga RF kepada antena

63. What is the main reason why so many VHF base and mobile antennas are 5/8 of a wavelength?
A. The angle of radiation is high giving excellent local coverage
B. The angle of radiation is low
C. It is easy to match the antenna to the transmitter
D. It’s a convenient length on VHF

63. Apakah sebab utama begitu banyak antena pangkalan dan antena bergerak VHF berkepanjangan gelombang 5/8?
A. Sudut sinaran tinggi memberikan liputan tempatan yang sangat baik
B. Sudut sinaran rendah
C. Mudah memadankan antena dengan pemancar
D. Panjang itu sesuai pada VHF

64. How many directly driven elements do most Yagi antennas have?
A. None
B. Two
C. Three
D. One

64. Berapakah unsur yang dipacu terus pada kebanyakan antena Yagi?
A. Tiada
B. Dua
C. Tiga
D. Satu

65. A dipole transmitting antenna, placed so that the ends are pointing North/South, radiates:
A. Mostly to the South and North
B. Mostly to the South
C. Equally in all directions
D. Mostly to the East and West

65. Antena pemancar dwikutub yang diletakkan dalam keadaan hujungnya menghadap Utara/Selatan akan memancar:
A. Kebanyakannya ke Selatan dan Utara
B. Kebanyakannya ke Selatan
C. Sama ke semua arah
D. Kebanyakannya ke Timur dan Barat

66. How are VHF signals propagated within the range of the visible horizon?
A. By direct wave
B. By sky wave
C. By plane wave
D. By geometric wave

66. Bagaimana isyarat VHF merambat pada jarak ufuk nampak?
A. Dengan gelombang terus
B. Dengan gelombang langit
C. Dengan gelombang satah
D. Dengan gelombang geometri

67. A line-of-sight transmission between two stations uses mainly the:
A. Troposphere
B. Skip wave
C. Ionosphere
D. Ground wave

67. Penghantaran garis tampak antara dua stesen lazimnya menggunakan:
A. Troposfera
B. Gelombang langkau
C. Ionosfera
D. Gelombang bumi

68. The distance traveled by ground waves:
A. Depends on the maximum usable frequency
B. Is more at higher frequencies
C. Is less at higher frequencies
D. Is the same for all frequencies

68. Jarak yang dilalui gelombang bumi:
A. Bergantung kepada frekuensi boleh digunakan maksimum
B. Lebih jauh pada frekuensi lebih tinggi
C. Kurang pada frekuensi lebih tinggi
D. Sama untuk semua frekeunsi

AMATEUR RADIO SETUP AND SAFETY
PEMASANGAN DAN KESELAMATAN RADIO AMATUR

1. A residual current device is recommended for protection in a mains power circuit because it:
A. Reduces electrical interference from the circuit
B. Removes power to the circuit when the phase and neutral currents are not equal
C. Removes power to the circuit when the current in the phase wire equals the current in the earth wire
D. Limits the power provided to the circuit

1. Alat arus baki disyorkan untuk melindungi litar kuasa sesalur kerana alat ini:
A. Mengurangkan gangguan elektrik daripada litar
B. Mengalih kuasa ke litar itu apabila fasa dan arus neutral tidak sama
C. Mengalih kuasa ke litar itu apabila arus dalam wayar fasa sama dengan wayar bumi
D. Mengehadkan kuasa yang dibekalkan kepada litar itu

2. Wires carrying high voltages in a transmitter should be well insulated to avoid:
A. Short circuits
B. Overheating
C. Over modulation
D. SWR effects

2. Wayar membawa voltan tinggi dalam pemancar sepatutnya tertebat dengan baik bagi mengelakkan:
A. Litar pintas
B. Terlebih panas
C. Modulasi terlampau
D. Kesan SWR

3. For your safety, before checking a fault in a mains operated power supply unit, first:
A. Short the leads of the filter capacitor
B. Turn off the power and remove the power plug
C. Check the action of the capacitor bleeder resistance
D. Remove and check the fuse in the power supply

3. Untuk keselamatan anda, sebelum memeriksa kerosakan dalam unit bekalan kuasa menggunakan sesalur, terlebih dahulu:
A. Pintaskan dawai kapasitor penapis
B. Tutup suis kuasa dan tarik palam
C. Periksa perintang jujuh kapasitor
D. Alihkan dan periksa fius dalam bekalan kuasa

4. An earth wire should be connected to the metal chassis of a mains-operated power supply to ensure that if a fault develops, the chassis:
A. Does not develop a high voltage with respect to earth
B. Does not develop a high voltage with respect to the phase lead
C. Becomes a conductor to bleed away static charge
D. Provides a path to ground in case of lightning strikes

4. Wayar bumi seharusnya disambungkan ke casis logam bekalan kuasa menggunakan sesalur bagi memastikan jika kerosakan berlaku. Casis itu:
A. Tidak menjadi bervoltan tinggi berbanding dengan bumi
B. Tidak menjadi bervoltan tinggi berbanding dengan wayar fasa
C. Menjadi konduktor untuk mengenyahkan caj statik
D. Menyediakan laluan ke bumi kalau-kalau petir menyambar

5. The purpose of using three wires in the mains power cord and plug on amateur radio equipment is to:
A. Make it inconvenient to use
B. Prevent the chassis from becoming live in case of an internal short to the chassis
C. Prevent the plug from being reversed in the wall outlet
D. Prevent short circuits

5. Tujuan penggunaan tiga wayar dalam kord kuasa sesalur dan palam dalam peralatan radio adalah untuk:
A. Menjadikannya sukar digunakan
B. Mencegah casis daripada mengalirkan elektrik jika ada pintasan dalaman ke casis
C. Mencegah palam daripada diterbalikkan dalam outlet dinding
D. Mencegah litar pintas

6. The correct colour coding for the phase wire in a flexible mains lead is:
A. Brown
B. Blue
C. Yellow and green
D. White

6. Kod warna yang betul bagi wayar fasa dalam dawai sesalur luwes ialah:
A. Perang
B. Biru
C. Kuning dan hijau
D. Putih

7. The correct colour coding for the neutral wire in a flexible mains lead is:
A. Brown
B. Blue
C. Yellow and green
D. White

7. Kod warna yang betul bagi wayar neutral dalam dawai sesalur luwes ialah:
A. Perang
B. Biru
C. Kuning dan hijau
D. Putih

8. The correct colour coding for the earth wire in a flexible mains lead is:
A. Brown
B. Blue
C. Yellow and /or green
D. White

8. Kod warna yang betul bagi wayar bumi dalam dawai sesalur luwes ialah:
A. Perang
B. Biru
C. Kuning dan/atau hijau
D. Putih

9. The single-phase mains voltage and frequency use in Malaysia is:
A. 240 V 50Hz
B. 110V 60Hz
C. 415V 50Hz
D. Depends on equipment

9. Voltan dan frekuensi bagi sesalur fasa tunggal yang digunakan di Malaysia ialah:
A. 240V 50Hz
B. 110V 60Hz
C. 415V 50Hz
D. Bergantung pada peralatan

10. Wires carrying high voltages in a transmitter should be well insulated to avoid:
A. Short circuits
B. Overheating
C. Over modulation
D. SWR effects

10. Wayar membawa voltan tinggi dalam pemancar mestilah ditebat dengan baik bagi mengelakkan:
A. Litar pintas
B. Terlebih panas
C. Modulasi terlampau
D. Kesan SWR

11. A residual current device is recommended for protection in a mains power circuit because it:
A. Reduces electrical interference from the circuit
B. Removes power to the circuit when the phase and neutral currents are not equal
C. Removes power to the circuit when the current in the phase wire equals the current in the earth wire
D. Limits the power provided to the circuit

11. Alat arus baki disyorkan untuk perlindungan dalam litar kuasa sesalur kerana alat itu:
A. Mengurangkan gangguan elektrik daripada litar
B. Mengalih kuasa ke litar itu apabila fasa dan arus neutral tidak sama
C. Mengalih kuasa ke litar itu apabila arus dalam wayar fasa sama dengan wayar bumi
D. Mengehadkan kuasa yang dibekalkan kepada litar itu

12. An earth wire should be connected to the metal chassis of a main operated power supply to ensure that if a fault develops, the chassis:
A. Does not develop a high voltage with respect to earth
B. Does not develop a high voltage with respect to the phase lead
C. Becomes a conductor to bleed away static charge
D. Provides a path to ground in case of lightning strikes

12. Wayar bumi seharusnya disambungkan ke casis logam bekalan kuasa menggunakan sesalur untuk memastikan jika kerosakan berlaku, casis itu:
A. Tidak menjadi bervoltan tinggi berbanding dengan bumi
B. Tidak menjadi bervoltan tinggi berbanding dengan wayar fasa
C. Menjadi konduktor untuk mengenyahkan caj statik
D. Menyediakan laluan ke bumi kalau-kalau petir menyambar

13. The following should always be included as a standard protection device in any power supply:
A. A saturating transformer
B. A fuse in the mains lead
C. A zener diode bridge limiter
D. A fuse in the filter capacitor negative lead

13. Komponen berikut perlu disertakan sebagai alat perlindungan standard dalam mana-mana bekalan kuasa:
A. Transformer menepu
B. Fius dalam dawai sesalur
C. Pengehad titian diod zener
D. Fius dalam dawai negative kapasitor penapis

14. The value of the fuse :
A. Must correspond to the ampere of the equipment it is protecting
B. Any suitable size that can fit in the holder.
C. Same as the voltage of the equipment
D. Same for all radio communication equipment

14. Nilai fius:
A. Mesti sepadan dengan ampere peralatan yang dilindunginya
B. Apa-apa saiz yang sesuai yang dapat muat dalam pemegang
C. Sama dengan voltan peralatan
D. Sama dengan semua peralatan komunikasi radio

15. During a thunderstorm an amateur station should:
A. Not be operated
B. Be tuned to the international weather warning frequency
C. Increase power to overcome lightning static
D. Provide weather information

15. Sewaktu ribut petir, stesen amatur:
A. Tidak seharusnya beroperasi
B. Seharusnya ditalakan ke frekuensi amaran cuaca antarabangsa
C. Meningkatkan kuasa bagi mengatasi statik kilat
D. Perlu menyediakan maklumat cuaca

16. Antenna erection and rigging should be carried out:
A. By persons with the necessary skills and safety equipment
B. By persons with a Amateur Radio Riggers Certificate II or higher
C. By persons with a Standard licence or higher
D. When three or more people are present one of whom must know CPR

16. Pemasangan antena perlu dilakukan:
A. Oleh orang yang memiliki kemahiran dan peralatan keselamatan yang diperlukan
B. Oleh orang yang memiliki Sijil II Pemasang Radio Amatur atau kelayakan lebih tinggi
C. Oleh orang yang memiliki lesen Standard atau lebih tinggi
D. Apabila ada tiga atau lebih orang yang salah seorang mesti tahu teknik CPR

17. Cells and batteries contain chemicals that:
A. Are the same as those used in capacitors
B. Give off explosive helium gas when they are charged
C. Can burn the skin and corrode metals
D. Make an inexpensive rust inhibitor

17. Sel dan bateri mengandungi bahan kimia yang:
A. Sama dengan yang digunakan dalam kapasitor
B. Membebaskan gas helium mudah letup jika dicas
C. Boleh membakar kulit dan menghakis logam
D. Dapat menghasilkan penghalang karat yang murah

18. Antennas and their fittings should:
A. Be higher than 5 metres at the lowest point
B. Be made from non-conductive materials
C. Be kept well away from power lines
D. Never cross buildings inhabited by people

18. Antena dan kelengkapannya seharusnya:
A. Lebih tinggi daripada 5 meter pada titik paling rendah
B. Diperbuat daripada bahan tidak konduksian
C. Diletakkan jauh dari talian kuasa
D. Tidak menyeberangi bangunan yang didiami manusia

19. Radio waves can be dangerous. This danger increases with:
A. Frequency, power and proximity
B. Power only
C. Power and proximity
D. The instantaneous human radiation index

19. Gelombang radio boleh jadi berbahaya. Bahaya ini meningkat berkadaran dengan:
A. Frekuensi, kuasa dan jarak
B. Kuasa sahaja
C. Kuasa dan jarak
D. Indeks radiasi manusia serta-merta

20. What is the most serious risk when working inside equipment that uses high voltages?
A. Such equipment is more likely to develop a fault.
B. Spare parts are harder to obtain.
C. High voltage equipment is more complicated and harder to repair.
D. There is a risk of receiving a fatal electric shock.

20. Apakah risiko yang paling serius semasa berkerja dalam peralatan yang menggunakan voltan tinggi?
A. Peralatan sebegitu mudah rosak
B. Barang ganti lebih sukar diperolehi
C. Peralatan bervoltan tinggi lebih kompleks dan sukar dibaiki
D. Ada risiko terkena renjatan elektrik yang boleh membawa maut

21. You find an amateur friend lying on the floor, silent and apparently not moving, beside his transmitter which has fallen off the desk. Provided it is safeto do so, you should
A. Go for help
B. Turn him face up
C. Switch off the power
D. Pull any microphone and other cables away from him.

21. Anda terjumpa rakan amatur terbaring di atas lantai, diam dan tidak bergerak, di sebelah pemancarnya yang terjatuh dari meja. Jika selamat, anda seharusnya:
A. Pergi mendapatkan bantuan
B. Pusingkan badannya menghadap ke atas
C. Tutup suis kuasa
D. Tarik mikrofon dan kabel lain jauh daripadanya

22. The mains power switch to the radio shack should be
A. Out of reach to younger children for safety reasons
B. Key operated to prevent use by non-licensed persons
C. Switched off at all times
D. In a clearly marked position.

22. Suis kuasa sesalur kepada pondok radio seharusnya:
A. Berada di tempat yang tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak bagi tujuan keselamatan
B. Dikunci bagi mengelakkan orang tidak berlesen menggunakannya
C. Ditutup pada setiap masa
D. Berada di tempat yang ditandai dengan jelas

23. The purpose of an RF earth is to
A. Pass RF currents safely to earth rather than allowing them to flow into the mains supply
B. Ensure the operator is protected from excessive voltages should a piece of equipment suffer a failure
C. Allow a balanced antenna to properly function in a balanced mode without causing interference
D. Provide a suitable return circuit should a fault develop in the electricity company power supply cables.

23. Tujuan pembumian RF adalah untuk:
A. Mengalirkan arus RF ke bumi dengan selamat dan tidak mengalir ke bekalan sesalur
B. Memastikan pengendali dilindungi daripada voltan berlebihan jika ada peralatan yang rosak
C. Membenarkan antena terimbang untuk berfungsi dengan baik dalam mod terimbang tanpa menyebabkan gangguan
D. Menyediakan litar balik yang sesuai jika kerosakan berlaku dalam kabel

bekalan kuasa syarikat elektrik

24. A friend is found in the club workshop slumped over the repair bench and does not respond to being called. As long as you are sure it is safe to do so you should first
A. Switch off the power to the workshop
B. Check your friend's pulse at his wrist or neck
C. Shake him gently in case he is simply asleep
D. Return to the main room to find a phone

24. Rakan anda ditemukan di bengkel kelab tersandar di atas kerusi dan tidak menyahut apabila dipanggil. Jika pasti anda selamat, anda seharusnya terlebih dahulu:
A. Menutup suis kuasa ke bengkel itu
B. Memeriksa nadi rakan anda pada pergelangan tangan atau leher
C. Mengejutkan dia perlahan-lahan kerana mungkin dia cuma tertidur
D. Kembali ke bilik utama untuk mendapatkan telefon

25. What kind of amateur station automatically retransmits the signals of other stations?
A. Repeater station
B. Space station
C. Telecommand station
D. Beacon station

25. Apakah jenis stesen amatur yang mengulang pemancaran isyarat secara automatik oleh stesen lain?
A. Stesen pengulang
B. Stesen angkasa
C. Stesen telearahan
D. Stesen mata arah

26. What is the main purpose of a repeater?
A. To link amateur stations with the telephone system
B. To increase the range of portable and mobile stations
C. To retransmit weather information during severe storm warnings
D. To make local information available 24 hours a day

26. Apakah tujuan utama pengulang?
A. Menghubungkan stesen amatur dengan sistem telefon
B. Meningkatkan jarak stesen bergerak dan mudah alih
C. Memancarkan semula maklumat cuaca sewaktu amaran ribut kencang
D. Memastikan maklumat tempatan tersedia 24 jam sehari

27. What is the purpose of a repeater time-out timer?
A. It lets a repeater have a rest period after heavy use
B. It logs repeater transmit time to predict when a repeater will fail
C. It tells how long someone has been using a repeater
D. It limits the amount of time someone can transmit on a repeater

27. Apakah tujuan pemasa tempoh rehat bagi pengulang?
A. Supaya pengulang ada tempoh berehat setelah penggunaan yang banyak
B. Merekodkan waktu pemancaran pengulang supaya dapat meramalkanmasa pengulang akan rosak
C. Memberikan maklumat tentang tempoh seseorang menggunakan pengulang
D. Mengehadkan jumlah masa seseorang boleh memancar dalam pengulang

28. What is a CTCSS (or PL) tone?
A. A tone used by repeaters to mark the end of a transmission
B. A sub-audible tone added to a carrier which may cause a receiver to accepta signal
C. A special signal used for telemetry between amateur space stations and Earth stations
D. A special signal used for telecommand control of model craft

28. Apa itu nada CTCSS (atau PL)?
A. Nada yang digunakan oleh pengulang bagi menandakan penghujung pemancaran
B. Nada boleh dengar perlahan yang ditambahkan kepada pembawa yang mungkin menyebabkan penerima menerima isyarat
C. Isyarat khas yang digunakan untuk telemetri antara stesen angkasa amatur dan stesen Bumi
D. Isyarat khas yang digunakan untuk mengawal telearahan pesawat model

29. FM repeater operation on the 2 metre band uses one frequency for transmission and one for reception. The difference in frequency between the transmit and receive frequency is normally:
A. 800 kHz
B. 600 kHz
C. 1000 kHz
D. 400 kHz

29. Pengulang FM yang beroperasi dalam jalur 2 meter menggunakan satu frekuensi untuk pemancaran dan satu lagi untuk penerimaan. Perbezaan antara frekuensi pemancaran dan penerimaan biasanya:
A. 800kHz
B. 600kHz
C. 1000kHz
D. 400kHz

30. What is simplex operation?
A. Transmitting and receiving over a wide area
B. Transmitting on one frequency and receiving on another
C. Transmitting one-way communications
D. Transmitting and receiving on the same frequency

30. Apa itu operasi simpleks?
A. Menghantar dan menerima isyarat meliputi kawasan yang luas
B. Menghantar isyarat pada satu frekuensi dan menerima isyarat pada frekuensi lain
C. Menghantar komunikasi satu hala
D. Menghantar dan menerima isyarat pada frekuensi yang sama

31. When should you use simplex operation instead of a repeater?
A. When a contact is possible without using a repeater
B. When the most reliable communications are needed
C. When an emergency telephone call is needed
D. When you are traveling and need some local information

31. Bilakah anda seharusnya menggunakan operasi simpleks dan bukannya pengulang?
A. Apabila dapat berkomunikasi tanpa menggunakan pengulang
B. Apabila komunikasi paling boleh harap diperlukan
C. Apabila panggilan telefon kecemasan diperlukan
D. Apabila anda berkelana dan memerlukan maklumat tempatan

32. Why should local amateur communications use VHF and UHF frequencies instead of HF frequencies?
A. To minimize interference on HF bands capable of long-distance communication
B. Because greater output power is permitted on VHF and UHF
C. Because HF transmissions are not propagated locally
D. Because signals are louder on VHF and UHF frequencies

32. Mengapakah komunikasi amatur tempatan seharusnya menggunakan frekuensi VHF dan UHF, bukannya frekuensi HF?
A. Bagi mengurangkan gangguan dalam jalur HF yang berupaya untuk komunikasi jarak jauh
B. Kerana kuasa keluaran yang lebih besar dibolehkan dalam VHF dan UHF
C. Kerana pemancaran HF tidak disebarkan di kawasan tempatan
D. Kerana isyarat lebih kuat dalam frekuensi VHF dan UHF

33. Why should simplex be used where possible, instead of using a repeater?
A. Your antenna’s effectiveness will be better tested
B. Long distance toll charges will be avoided
C. The repeater will not be tied up unnecessarily
D. Signal range will be increased

33. Mengapakah simpleks seharusnya digunakan selagi dapat, dan bukannya pengulang?
A. Keberkesanan antena anda akan diuji dengan lebih baik
B. Dapat mengelakkan caj tol jarak jauh
C. Pengulang tidak akan disibukkan tanpa keperluan
D. Julat isyarat akan ditingkatkan

34. If you are talking to a station using a repeater, how would you find out if you could communicate using simplex instead?
A. See if a third station can clearly receive both of you
B. See if you can clearly receive a more distant repeater
C. See if you can clearly receive the station on the repeater's input frequency
D. See if you can clearly receive the station on a lower frequency band

34. Jika anda sedang bercakap dengan sesebuah stesen menggunakan pengulang, bagaimanakah untuk mengetahui bahawa anda boleh berhubung menggunakan simpleks sahaja?
A. Perhatikan bahawa stesen ketiga dapat menerima kedua-dua anda dan stesen lagi satu dengan jelas
B. Perhatikan bahawa anda dapat menerima pengulang yang lebih jauhdengan jelas
C. Perhatikan bahawa anda dapat menerima stesen itu dalam frekuensi input pengulang dengan jelas
D. Perhatikan bahawa anda dapat menerima stesen itu dalam jalur frekuensi yang lebih rendah

35. What is the correct way to call "CQ" when using voice?
A. Say "CQ" three times, followed by "this is," followed by your call sign spoken three times
B. Say "CQ" once, followed by "this is," followed by your call sign spoken three times
C. Say "CQ" at least five times, followed by "this is," followed by your call sign spoken once
D. Say "CQ" at least ten times, followed by "this is," followed by your call sign spoken on

35. Bagimanakah cara yang betul untuk memanggil "CQ" semasa menggunakan suara?
A. Sebut "CQ" tiga kali, diikuti oleh "this is", diikuti oleh isyarat panggilan anda sebanyak tiga kali
B. Sebut "CQ" sekali, diikuti oleh "this is", diikuti oleh isyarat panggilan anda sebanyak tiga kali
C. Sebut "CQ" sekurang-kurangnya lima kali, diikuti oleh "this is", diikuti oleh isyarat panggilan anda sekali
D. Sebut "CQ" sekurang-kurangnya sepuluh kali, diikuti oleh "this is", diikuti dengan isyarat panggilan anda

36. What should you do before you transmit on any frequency?
A. Check your antenna for resonance at the selected frequency
B. Listen to make sure others are not using the frequency
C. Make sure the SWR on your antenna feed line is high enough
D. Listen to make sure that someone will be able to hear you

36. Apakah yang sepatutnya anda lakukan sebelum menghantar isyarat pada mana-mana frekuensi?
A. Periksa antena anda untuk resonans pada frekuensi yang dipilih
B. Dengar dahulu bagi memastikan tiada orang lain menggunakan frekuensi itu
C. Pastikan SWR pada talian suapan antena anda cukup tinggi
D. Dengar dahulu bagi memastikan seseorang akan mendengar anda

37. How can on-the-air interference be minimized during a lengthy transmitter testing or loading-up procedure?
A. Choose an unoccupied frequency
B. Use a non-resonant antenna
C. Use a resonant antenna that requires no loading-up procedure
D. Use a dummy load

37. Bagaimanakah gangguan di udara dapat dikurangkan sewaktu ujian pemancar atau prosedur memuat naik yang lama?
A. Pilih frekuensi yang tidak digunakan
B. Gunakan antena tanpa resonans
C. Gunakan antena tanpa resonans yang tidak memerlukan prosedur muat naik
D. Gunakan beban semu

38. Why would you use a dummy antenna?
A. To give comparative signal reports
B. To allow antenna tuning without causing interference
C. It is faster to tune
D. To reduce output power

38. Mengapakah anda menggunakan antena semu?
A. Bagi mendapatkan perbandingan laporan isyarat
B. Bagi membolehkan antena ditala tanpa menyebabkan gangguan
C. Lebih cepat untuk ditala
D. Bagi mengurangkan kuasa keluaran

39. What is the meaning of the procedural signal "CQ"?
A. Calling any station
B. Call on the quarter hour
C. An antenna is being tested
D. Only the station "CQ" should answer

39. Apakah maksud isyarat prosedur “CQ”?
A. Memanggil mana-mana stesen
B. Memanggil pada suku jam
C. Antena sedang diuji
D. Hanya stesen “CQ” perlu menjawab

40. What is meant by the term "DX"?
A. Calling any station
B. Distant station
C. Go ahead
D. Best regards

40. Apakah maksud kod "DX"?
A. Memanggil mana-mana stesen
B. Stesen jauh
C. Teruskan
D. Selamat berjaya

41. What is the meaning of the term "73"?
A. Long distance
B. Love and kisses
C. Go ahead
D. Best regards

41. Apakah maksud kod "73"?
A. Jarak jauh
B. Salam sayang
C. Teruskan
D. Selamat berjaya

42. For best protection from electrical shock, what should be grounded in an amateur station?
A. The antenna feed line
B. All station equipment
C. The AC power line
D. The power supply primary

42. Untuk perlindungan terbaik daripada kejutan elektrik, apakah yang perlu dibumikan dalam stesen amatur?
A. Talian suapan antena
B. Semua peralatan stesen
C. Talian kuasa AC
D. Bekalan kuasa utama

43. To protect you against electrical shock, the chassis of each piece of your station equipment should be connected to:
A. A good ground connection
B. A dummy load
C. Insulated shock mounts
D. The antenna

43. Untuk melindungi anda daripada kejutan elektrik, casis setiap barang daripada peralatan studio mesti disambungkan ke
A. Hubungan ke bumi yang bagus
B. Beban semu
C. Paut kejutan tertebat
D. Antena

44. Which of these materials is best for a ground rod driven into the earth?
A. Hard plastic
B. Iron or steel
C. Fiberglass
D. Copper-clad steel

44. Bahan manakah antara berikut terbaik untuk batang tertanam dalam tanah?
A. Plastik keras
B. Besi atau keluli
C. Kaca gentian
D. Keluli bersalut kuprum

45. If you ground your station equipment to a ground rod driven into the earth, what is the shortest length the rod should be?
A. 1.25 metre (4 ft)
B. 2 metres (6 ft)
C. 3.25 metres (10 ft)
D. 2.5 metres (8 ft)

45. Jika anda membumikan peralatan stesen kepada batang yang tertanam dalam tanah, berapakah panjang minimum yang sepatutnya bagi batang tersebut?
A. 1.25 meter (4 kaki)
B. 2 meter (6 kaki)
C. 3.25 meter (10 kaki)
D. 2.5 meter (8 kaki)

46. Where should the green wire in a three-wire AC line cord be connected in a power supply?
A. To the white wire
B. To the "hot" side of the power switch
C. To the chassis
D. To the fuse

46. Wayar hijau dalam kabel AC tiga-wayar perlu disambung dalam bekalan kuasa kepada:
A. Wayar putih
B. Bahagian “panas” suis kuasa
C. Casis
D. Fius

inprotected.com